

MASWINGS, AIRASIA Sedia Operasi Penerbangan di 39 Laluan di Sabah, Sarawak

PUTRAJAYA : Maswings Sdn Bhd mendapat kebenaran untuk menyediakan operasi penerbangan di 39 laluan di Sabah dan Sarawak menerusi perjanjian baharu Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS), Selain Maswings, AirAsia Bhd juga diberi kepercayaan untuk menyediakan operasi penerbangan dilaluan Kota Kinabalu- Bintulu menerusi perjanjian baharu. Di bawah perjanjian itu, Maswings akan menyediakan perkhidmatan bagi 39 laluan mulai 1 Januari 2019 berbanding 49 laluan sebelum ini di kedua-dua negeri berkenaan menggunakan pesawat ATR72 dan Twin Otter Viking.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, pada masa sama Maswings juga akan menambah laluan bagi destinasi RAS sedia ada iaitu Limbang-Kuching (tiga kali seminggu menggunakan pesawat ATR72), Long Lelang-Bario (sekali seminggu menggunakan pesawat Twin Otter) dan Long Seridan –Bario (sekali seminggu menggunakan pesawat Twin Otter) Maswings turut menyediakan perkhidmatan kargo khas di antara Miri-Bario, Ba'kelalan, Long Seridan, Long Lelang, Long Akah dan Long Banga (Sekali seminggu bagi setiap laluan menggunakan pesawat Twin Otter yang akan diperkenalkan secara berperingkat. Loke berkata, di bawah perjanjian baharu itu, mekanisme pemberian subsidi diubah daripada mekanisme berasaskan kerugian operasi RAS dan insentif kewangan kepada mekanisme yang terikat dengan prestasi operasi dan kewangan.

"Insentif diberikan dalam bentuk pembayaran yuran pengurusan tertakluk kepada prestasi operasi dan kewangan Justeru, Kementerian memperuntukkan RM190 juta bagi pembayaran insentif berkenaan tahun ini." Namun, bayaran penalti akan dikenakan kepada Maswings bagi perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak mencapai tahap petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan termasuk dari segi prestasi ketepatan masa, kadar pembatalan operasi penerbangan, skor kepuasan pengguna dan sebarang faktor yang dirasakan perlu oleh kerajaan," katanya selepas majlis memeterai perjanjian itu disini, semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Saripuddin Kasim, Ketua pegawai Eksekutif Malaysia Airlines Bhd, Kapten Izham Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia Bhd Tan Sri Tony Fernandes dan Pengerusi Eksekutif Air Asia Datuk Kamarudin Meranun. Penetapan destinasi dan laluan RAS berdasarkan Obligasi Perkhidmatan Awam (PSO) di bawah seksyen 2 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771). Penyediaan operasi di dua laluan ini akan diberikan secara eksekutif kepada AirAsia selama enam tahun sehingga 31 Disember 2024. syarikat itu akan dikenakan penalti sehingga RM3 juta setahun jika gagal beroperasi dalam tempoh ditetapkan.

SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 37 | 5 JANUARI 2019